

# Notis Privasi Pekerja Mott MacDonald



# Pengenalan

Dalam Notis Privasi Pekerja ini, “Pekerja” termasuk semua individu yang bekerja di salah satu entiti yang menjadi sebahagian daripada Kumpulan Mott MacDonald (“Mott MacDonald”).

Ini bermakna ia merangkumi pekerja semasa (sama ada pekerja sepenuh masa atau pekerja separuh masa), pekerja sementara, pekerja sukarela, perantis, pelatih, pelajar latihan industri dan individu yang bekerja untuk mendapat pengalaman.

Sekiranya anda adalah salah seorang Pekerja kami, Notis Privasi Pekerja akan membantu anda memahami jenis-jenis maklumat peribadi berbeza yang kami kumpul, sebab-sebab kami memproses maklumat peribadi anda, cara kami menggunakaninya, dengan siapa ia dikongsi dan hak-hak anda ke atasnya.

Di lokasi-lokasi tertentu, mungkin terdapat perbezaan dalam cara kami mengumpul dan menggunakan maklumat peribadi disebabkan keperluan undang-undang tempatan atau cara Mott MacDonald beroperasi. Dalam situasi sebegini, kami akan memaklumkan anda melalui notis privasi tambahan.

Notis Privasi Pekerja ini adalah sejajar dengan kedua-dua Dasar privasi dan perlindungan data kita dan Kod Kita.

# Cara kami menggunakan maklumat peribadi

Mott MacDonald bertanggungjawab dalam menentukan cara kami mengumpul, mengakses, menganalisis dan selainnya memproses maklumat peribadi tentang Pekerja kita.

Kami melindungi kerahsiaan dan integriti maklumat peribadi, kami bersikap terbuka dan telus tentang cara kami memprosesnya, dan kami hanya menggunakan untuk tujuan sah dan yang dibenarkan.

Kami memproses maklumat peribadi tentang anda terutamanya untuk tujuan menguruskan perhubungan kami dengan anda, untuk memberi anda akses kepada alat dan kemudahan yang anda perlukan untuk menjalankan kerja anda, untuk menyediakan pelbagai manfaat kepada anda dan untuk mematuhi kewajipan undang-undang kami.

## Mematuhi undang-undang dan peraturan

Mott MacDonald sering dikehendaki oleh undang-undang untuk memproses maklumat peribadi anda, misalnya untuk:

- mematuhi undang-undang pekerjaan dan percakaian yang berkaitan dengan gaji, keselamatan sosial, waktu bekerja dan kelayakan cuti tahunan
- melaksanakan siasatan dan perbicaraan berkaitan rungutan dan tatatertib
- mematuhi undang-undang kesamarataan dan anti-diskriminasi jika berkenaan
- mematuhi undang-undang imigresen dan mengesahkan bahawa anda dibenarkan untuk bekerja di sesebuah wilayah atau negara
- memenuhi syarat-syarat kesihatan dan keselamatan di tempat kerja
- menjalankan pemeriksaan perubatan dan saringan kesihatan (misalnya semasa insiden kecemasan kesihatan awam)

## Menguruskan Pekerja kita dan mengendalikan perniagaan kita

Dalam tempoh pekerjaan anda dengan kami, kami mungkin perlu memproses maklumat peribadi tentang anda untuk pelbagai tujuan. Lazimnya ini termasuk:

**Memproses transaksi kewangan:** untuk membayar gaji anda, bonus, bayaran dividen saham, cukai gaji dan potongan potongan lain (termasuk sumbangan persaraan dan keselamatan sosial), kos perjalanan dan perbelanjaan.

**Menilai prestasi kerja anda:** untuk menilai dan menjelak ulasan tempoh percubaan anda, prestasi berterusan anda (misalnya prestasi anda berbanding matlamat dan aktiviti yang telah dipersetujui dengan pengurus langsung anda), kehadiran dan rekod masa anda.

**Menyediakan manfaat pekerjaan kepada anda:** termasuk insurans perubatan, sokongan mobiliti global dan sumber-sumber kesejahteraan.

**Memastikan tempat kerja yang selamat dan produktif:** menyediakan peralatan, membuat pengubahsuaian munasabah untuk mengambil kira keperluan anda dan mengambil langkah-langkah kesihatan dan keselamatan yang lain.

**Memenuhi kewajipan kontraktual terhadap pelanggan kita:** Menyediakan bil bagi jumlah jam yang anda habiskan untuk menyiapkan sesuatu tugas, menjalankan ujian dadah dan alkohol (jika diperlukan oleh pelanggan kita atas sebab-sebab kesihatan dan keselamatan), menjalankan semakan latar belakang (jika diperlukan oleh pelanggan kita atas sebab-sebab perlindungan atau keselamatan negara).

**Meneruskan agenda-agenda Mott MacDonald sendiri yang sah:** sebagai contoh, untuk memenuhi matlamat kesamaan, kepelbagaian dan rangkuman (equality, diversity and inclusion, EDI), menyiasat tuduhan kesalahan atau salah laku dan menguruskan keselamatan di tempat kerja (dengan melaksanakan kawalan akses fizikal dan teknikal).



# Maklumat peribadi yang kami mungkin perlu proses

Dalam tempoh pekerjaan anda dengan kami, kami mungkin perlu memproses jenis-jenis maklumat peribadi yang berikut tentang anda:

**Maklumat am:** butiran hubungan peribadi, nama, panggilan, alamat, nombor telefon, alamat e-mel peribadi, tarikh lahir, status perkahwinan, kewarganegaraan, status veteran, maklumat waris dan hubungan kecemasan.

**Maklumat khusus pekerjaan:** tarikh mula dan akhir, maklumat yang terkandung di dalam CV atau surat pengiring yang dihantar sebagai sebahagian daripada proses permohonan pekerjaan, kelayakan akademik dan transkrip, kelayakan dan sijil profesional, catatan temu duga, dokumentasi berkaitan kelayakan bekerja, sejarah pekerjaan, rujukan profesional dan peribadi, waktu bekerja, gaji, pencen dan manfaat, kehadiran, cuti tahunan, rekod latihan, keahlian dalam badan-badan profesional atau maklumat prestasi.

**Maklumat perjalanan dan lokasi:** lokasi kerja, status imigresen, maklumat visa dan perjalanan, tempat kerja, maklumat permit memasuki bangunan atau rekod buku pelawat yang dicatat semasa masuk atau meninggalkan premis kita.

**Maklumat pemanduan (jika berkaitan dan perlu):** butiran kenderaan, lesen memandu, insuran.

**Maklumat audio/visual:** rakaman kamera dan/atau maklumat lain yang diperoleh melalui kaedah elektronik seperti rekod permit akses bangunan, rakaman video dan audio dalam mesyuarat atau majlis, gambar yang diambil semasa majlis atau yang digunakan dalam profil atau bahan-bahan promosi, rakaman dan imej yang ditangkap oleh kamera keselamatan di premis kita.

**Penggunaan sistem maklumat:** maklumat tentang penggunaan sistem komunikasi dan maklumat kita oleh anda termasuk log akses dan analisis penggunaan, maklumat rekod masa dan penggunaan masa, sejarah pelayar web serta kandungan e-mel dan mesej-mesej segera.

Kami mungkin perlu memproses maklumat peribadi sensitif (juga dirujuk sebagai “data kategori khas” di Eropah) tentang anda untuk tujuan khusus dan terhad, tetapi kami hanya berbuat demikian jika dibenarkan oleh undang-undang. Sekiranya kami diperlukan untuk memperoleh persetujuan termaklum dan jelas anda sebelum memproses maklumat peribadi sensitif anda, butiran lanjut tentang penggunaan dan pengendalian maklumat tersebut seperti yang dicadangkan akan diberikan kepada anda semasa pengumpulan dibuat.

Maklumat peribadi sensitif dikendalikan dengan sangat berhati-hati dan akses ke maklumat tersebut dikawal dan disekat dengan rapi.

Untuk tujuan Notis Privasi Pekerja ini, ia merangkumi:

**Data kesihatan dan biometrik:**  
ketidakhadiran kerana sakit, keadaan perubatan, cap jari, imbasan wajah.

**Maklumat saringan dan semakan latar belakang:** maklumat tentang sabitan jenayah, tuduhan salah laku, integriti kewangan.

**Maklumat kewangan:** butiran akaun bank, butiran kad bayaran, maklumat gaji dan bonus, butiran pegangan saham dan bayaran dividen, rekod gaji dan cukai.

**Pengecam yang dikeluarkan kerajaan:** (jika perlu dan dibenarkan oleh undang-undang) butiran pasport, butiran kad pengenalan kebangsaan, butiran lesen memandu, nombor insurans kebangsaan (jika berkaitan), nombor keselamatan sosial.

**Maklumat kesamaan dan kepelbagaian:** (jika perlu dan dibenarkan oleh undang-undang) bergantung pada lokasi anda, kami mungkin perlu mengumpul maklumat tentang asal usul bangsa atau etnik anda, kepercayaan agama atau falsafah, status kekurangan upaya, orientasi seksual, identiti jantina atau ciri-ciri terpelihara lain (ini membolehkan kami memantau dan melaporkan tentang kepelbagaian tenaga kerja serta kesamaan peluang). Harap maklum bahawa maklumat peribadi sensitif jenis ini digunakan dalam bentuk teragregat dan tidak diperibadikan bagi tujuan pelaporan.



# Cara kami mengumpulkan maklumat peribadi anda



Kami mengumpul maklumat peribadi anda semasa proses perekrutan dan pemilihan dan sepanjang tempoh anda bekerja dengan kami. Ia akan lazimnya dikumpul secara terus daripada anda, atau kadang-kadang daripada pihak ketiga.

- Pihak ketiga yang boleh memberi kami maklumat peribadi anda termasuk:
- agensi-agensi perekrutan dan pekerjaan
  - jabatan atau agensi kerajaan (misalnya maklumat percuakan dan keselamatan sosial)
  - majikan terdahulu atau individu yang dinamakan untuk dirujuk, sebagai sebahagian daripada semakan rujukan
  - penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang menjalankan semakan latar belakang dan perkhidmatan lain seperti saringan perubatan bagi pihak kami
  - institusi pendidikan (seperti universiti dan kolej) serta badan keahlian profesional

Kami akan terus mengumpul dan memproses maklumat peribadi semasa aktiviti berkaitan pekerjaan dalam tempoh anda bekerja dengan kami (untuk tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi Pekerja ini).

# Maklumat tentang individu lain

Kami juga mungkin perlu mengumpul maklumat peribadi daripada anda tentang individu yang ada kaitan rapat dengan anda, seperti suami isteri/pasangan anda, anak-anak atau ahli keluarga anda yang lain. Ini mungkin untuk menyediakan manfaat insurans atau perubatan kepada mereka, misalnya, atau untuk membantu anda berpindah ke bandar atau negara baharu dalam tempoh pekerjaan anda dengan kami.

Kami juga mungkin memerlukan anda untuk menyediakan maklumat peribadi seperti nama dan butiran hubungan individu yang ada kaitan dengan anda seperti waris, penama benefisiari pencen atau insurans bagi tujuan insurans dan kecemasan.

Anda mungkin merupakan seorang remaja yang bekerja untuk mendapat pengalaman, mengikuti program latihan industri atau perantisan di Mott MacDonald. Mengikut undang-undang dan peraturan berkenaan di tempat anda tinggal dan bekerja, anda mungkin dianggap individu bawah umur yang tidak boleh mengikat perjanjian undang-undang atau memberi persetujuan yang sah. Dalam kes ini, kami mungkin memerlukan anda untuk memberi maklumat peribadi ibu bapa atau penjaga sah anda.

Sekiranya anda mempunyai keadaan kesihatan yang berterusan dan/atau sedang menerima rawatan ubat yang menjelaskan kerja anda, kami mungkin perlukan maklumat hubungan doktor atau penyediaan penjagaan kesihatan anda.

Dalam semua senario ini, oleh sebab kami tiada hubungan langsung dengan pihak ketiga tersebut, kami bergantung kepada anda untuk memaklumkan individu yang terlibat bahawa anda memberi maklumat peribadi mereka kepada kami. Ketika dalam pegangan kami, maklumat peribadi mereka akan tertakluk pada syarat-syarat pengendalian dan kaedah perlindungan yang sama seperti maklumat peribadi anda sendiri.

# Cara kami mewajarkan penggunaan maklumat peribadi anda



Kami hanya akan memproses maklumat peribadi anda jika undang-undang membenarkan kami berbuat demikian.

Kami biasanya bergantung pada satu atau lebih justifikasi undang-undang berikut apabila kami mengumpul, menggunakan, mengendalikan atau berkongsi maklumat peribadi anda:

- seperti yang diperlukan untuk memenuhi dan melaksanakan **kewajipan kontraktual** kami dengan anda
- seperti yang diperlukan untuk mematuhi **kewajipan undang-undang**, sebagai contoh untuk berkongsi maklumat peribadi dengan pihak berkuasa percuaiyan tempatan atau agensi penguatkuasaan undang-undang selaras dengan **persetujuan** anda (jika berkenaan)
- seperti yang diperlukan untuk **kepentingan sah** dan keperluan perniagaan kita (jika dibenarkan oleh undang-undang), seperti memenuhi komitmen kesamaan, kepelbagai dan rangkuman (EDI) kita atau untuk mengebil pelanggan kita bagi kerja yang telah dilengkapkan

- seperti yang diperlukan untuk **melindungi kepentingan anda** (atau kepentingan orang lain), misalnya dalam kes kecemasan perubatan atau ancaman terhadap keselamatan fizikal anda
- seperti yang diperlukan demi **kepentingan awam**, misalnya untuk menjalankan penjejakan kontak ketika berlakunya kecemasan kesihatan awam

Akan terdapat pertindihan dalam beberapa perkara yang disebutkan di atas. Oleh itu, tidak mustahil jika beberapa alasan undang-undang berbeza terpakai pada masa yang sama untuk mewajarkan kami memproses elemen tertentu maklumat peribadi anda.

Di lokasi-lokasi tertentu, mungkin terdapat perbezaan dalam justifikasi undang-undang yang boleh diterima apabila kami mengumpul, menggunakan dan mengendalikan maklumat peribadi (disebabkan keperluan undang-undang tempatan atau cara Mott MacDonald beroperasi di wilayah tersebut). Dalam situasi sebegini, kami akan memaklumkan anda melalui notis privasi tambahan.

# Dengan siapa kami mungkin perlu berkongsi maklumat peribadi anda



Mott MacDonald akan berkongsi maklumat peribadi anda dengan rakan niaga kami yang dipercayai (termasuk pembekal dan penyedia perkhidmatan) atau pihak ketiga lain hanya apabila ia perlu dan bersekadar untuk berbuat demikian.

Kami mungkin berkongsi maklumat peribadi dengan:

**Pelanggan dan rakan niaga** untuk tujuan-tujuan pembidaan, penyempurnaan projek, akses (ke premis dan sistem IT), pengebilian, invois dan audit. Ini mungkin termasuk peranan kerja dan kelayakan profesional anda, gaji anda atau kadar gaji mengikut jam/hari yang setaraf, aktiviti yang anda jalankan semasa melengkapkan tugas, waktu yang dihabiskan untuk tugas-tugas tertentu. Jika perlu, kami juga mungkin dikehendaki untuk memberi beberapa maklumat yang terhad berkenaan semakan latar belakang, keadaan perubatan dan kesejahteraan sebagai sebahagian daripada proses saringan atau kesihatan dan keselamatan mereka.

**Penyedia perkhidmatan luaran** yang menyokong pentadbiran perniagaan dan aktiviti pengurusan Pekerja kita, seperti untuk menempah perjalanan dan penginapan, menyediakan latihan dan sokongan pembangunan, menyampaikan perkhidmatan dan sokongan kesihatan pekerjaan, memproses permohonan visa dan permit kerja, menyediakan manfaat pekerja seperti insurans perubatan peribadi, pencen tempat kerja dan sokongan kesejahteraan, menyokong sistem dan infrastruktur teknologi atau menguruskan akses ke premis dan kemudahan tempat kerja kita.

**Pihak berkuasa kawal selia** untuk tujuan visa dan imigresen, audit atau siasatan cukai, atau apabila kami perlu melaporkan insiden keselamatan di tempat kerja.

**Agensi penguatkuasaan undang-undang** yang menyiasat tuduhan salah laku jenayah terhadap anda, individu lain atau sesebuah organisasi.

Harap maklum bahawa kami tidak akan sekali-kali menjual maklumat peribadi anda kepada organisasi lain untuk sebarang tujuan.

# Memproses maklumat peribadi anda di (atau dari) negara lain



Kami merupakan sebuah perniagaan global dan pelanggan serta rakan niaga kami yang dipercayai (termasuk penyedia perkhidmatan dan pembekal) berada di serata dunia.

Ini bermakna maklumat peribadi anda mungkin perlu diakses, disimpan, digunakan, dikendalikan atau selainnya diproses di negara-negara luar daripada negara tempat anda lazimnya berada, bagi tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi Pekerja ini.

Sebelum berkongsi maklumat peribadi anda merentas sempadan antarabangsa, kami memastikan bahawa kaedah perlindungan wajar wujud dan bahawa hak privasi dan perlindungan data anda terjamin. Kaedah perlindungan ini lazimnya termasuk penyulitan data, keizinan akses berdasarkan peranan, dan perjanjian undang-undang yang memudahkan pemindahan maklumat peribadi merentas sempadan secara sah.

# Cara kami melindungi maklumat peribadi anda

Kami berusaha keras untuk mengekalkan dan meningkatkan kaedah keselamatan yang mencegah maklumat peribadi daripada hilang secara tidak sengaja, digunakan atau diakses dengan cara yang tidak dibenarkan, dipinda atau didedahkan.

Kami mengehadkan kebenaran mengakses maklumat peribadi kepada individu atau organisasi yang mempunyai hak akses yang sah (misalnya pihak berkuasa kawal selia atau agensi penguatkuasaan undang-undang) atau keperluan perniagaan yang sah untuk tahu, sebagai contoh pengurus langsung, pegawai HR dan (tertakluk pada terma dan syarat kontrak yang sesuai) pelanggan, pembekal dan penyedia perkhidmatan kita atau pihak ketiga yang lain.

Penyedia perkhidmatan dan pembekal kita hanya akan memproses maklumat peribadi di bawah arahan kami, dan kami memastikan bahawa semua pihak ketiga (termasuk pelanggan) tertakluk pada kewajipan kerahsiaan yang sah. Kami telah mewujudkan prosedur untuk menangani sebarang pencerobohan data peribadi yang disyaki dan akan memaklumkan kepada anda dan mana-mana pihak berkuasa kawal selia atau penyelia mengenai sebarang pelanggaran apabila perlu.

Semua Pekerja kita dikehendaki untuk melengkapkan latihan wajib privasi dan perlindungan data secara tahunan. Ini termasuk penyelia, pengurus langsung, pegawai HR dan mana-mana rakan pekerja lain yang mungkin diperlukan untuk mengakses maklumat peribadi anda apabila menjalankan tugas mereka.

Sila juga rujuk **Polisi Kumpulan** berkenaan Keselamatan maklumat dan Privasi dan perlindungan data untuk maklumat lanjut.

# Tempoh maklumat peribadi anda disimpan



Kami hanya akan menyimpan maklumat peribadi anda selagi ia diperlukan.

Secara am, ini bermakna, kami menyimpan maklumat peribadi tentang anda dan peranan anda untuk sepanjang tempoh pekerjaan anda, dan untuk satu jangka masa yang terhad selepas tamat tempoh pekerjaan anda dengan kami. Dalam kes-kes tertentu, jika dikehendaki oleh undang-undang (misalnya percukaian, kesihatan dan keselamatan, imigresen, audit kewangan, litigasi atau pertikaian), kami mungkin perlu menyimpan maklumat peribadi untuk satu jangka masa yang dilanjutkan.

Jangka masa pengekalan khusus ditentukan, direkodkan dan diguna pakai oleh unit perniagaan yang bertanggungjawab ke atas maklumat peribadi yang berkenaan. Untuk maklumat peribadi yang berkaitan dengan Pekerja kita, ini lazimnya adalah HR Kumpulan atau pasukan HR wilayah yang berkenaan.



Apabila maklumat peribadi dipadam atau dimusnahkan, kami memastikan bahawa ia dilupuskan secara selamat dan kekal, selaras dengan sebarang keperluan undang-undang tempatan.

# Hak anda ke atas maklumat peribadi anda



Kami menghormati hak anda ke atas maklumat peribadi anda.

Anda boleh melaksanakan hak tersebut pada bila-bila masa dengan menghantar permintaan melalui **borang permintaan hak individu** secara dalam talian, yang boleh diakses menggunakan pautan yang dinyatakan di dalam bahagian privasi dan perlindungan data laman web kita; atau dengan menghubungi rakan perniagaan HR anda.

Sebagai seorang daripada Pekerja kita, anda mempunyai hak berikut ke atas maklumat peribadi anda:

**Hak untuk mengakses** maklumat peribadi anda. Ini membolehkan anda meminta salinan maklumat peribadi anda dan menyemak bagi memastikan kami memproses maklumat tersebut secara sah.

**Hak untuk membetulkan** maklumat peribadi yang kami pegang tentang anda. Ini membolehkan anda meminta kami untuk meminda atau mengemas kini mana-mana maklumat peribadi yang tidak lengkap atau tidak tepat.

**Hak untuk meminta pemadaman** maklumat peribadi tentang anda. Ini membolehkan anda meminta kami memadamkan atau membuang maklumat peribadi anda apabila tiada alasan sahih untuk kami terus memproses maklumat tersebut.

**Hak untuk membantah** penggunaan maklumat peribadi anda jika anda percaya kami tidak mempunyai alasan sahih untuk memproses maklumat tersebut, dan anda mahu kami berhenti memprosesnya.

**Hak untuk menyekat** penggunaan lanjut maklumat peribadi anda. Ini membolehkan anda meminta kami untuk mengehadkan atau menggantung penggunaan maklumat peribadi anda (misalnya jika anda mahu kami mengesahkan ketepatan maklumat tersebut atau alasan kami memprosesnya).

**Hak untuk memindahkan** maklumat peribadi tentang anda kepada pihak lain. Anda boleh meminta kami untuk menghantar (atau “port”) maklumat peribadi anda, seperti rekod kerja, slip gaji atau maklumat peribadi lain ke organisasi lain, misalnya bakal majikan.

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan cara kami memproses maklumat peribadi anda, anda juga berhak untuk membuat aduan kepada pengawal selia privasi dan perlindungan data luaran di negara, negeri atau daerah tempat anda berada. Sekiranya anda perlukan sebarang bantuan untuk menentukan pengawal selia yang berkenaan, sila hubungi Pasukan Privasi dan Perlindungan Data di [privacy@mottmac.com](mailto:privacy@mottmac.com).

# Hak anda untuk menarik balik persetujuan anda



Sekiranya anda telah memberi persetujuan anda terhadap pengumpulan dan pemprosesan maklumat peribadi anda untuk tujuan khusus, dan kami bergantung pada persetujuan itu sebagai alasan untuk menggunakan maklumat peribadi anda bagi tujuan tersebut, anda mungkin mempunyai hak untuk menarik balik persetujuan anda.

Untuk menarik balik persetujuan anda, sila hubungi pasukan HR untuk unit atau wilayah anda terlebih dahulu. Apabila mereka telah menerima pemberitahuan penarikan balik persetujuan anda, kami tidak lagi akan memproses maklumat peribadi anda untuk tujuan(-tujuan) yang anda telah persetujui dahulu, melainkan kami dikehendaki atau dibenarkan berbuat demikian oleh undang-undang dan mempunyai alasan sah untuk berbuat demikian.

Sekiranya anda memilih untuk menarik balik persetujuan anda terhadap aktiviti pemprosesan tertentu, ini mungkin bermakna kami tidak lagi akan dapat menyediakan kemudahan atau manfaat tertentu dan anda mungkin dikecualikan daripada aktiviti tertentu (dalam tempoh pekerjaan anda dengan kami). Kesan dari penarikan balik persetujuan anda terhadap aktiviti pemprosesan khusus akan disampaikan kepada anda apabila anda memaklumkan kepada kami tentang keinginan anda untuk menarik balik persetujuan anda.

# Pegawai Privasi dan Perlindungan Data Kumpulan Kita

Kami telah melantik seorang Pegawai Privasi dan Perlindungan Data Kumpulan bagi memantau pematuhan kami terhadap undang-undang privasi dan perlindungan data.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang Notis Privasi Pekerja ini atau ingin mengemukakan sebarang kebimbangan khusus tentang cara kami mengendalikan maklumat peribadi anda, sila hubungi Pasukan Privasi dan Perlindungan Data kami di [privacy@mottmac.com](mailto:privacy@mottmac.com).



# Pindaan terhadap Notis Privasi Pekerja kita

Notis Privasi Pekerja ini telah dikeluarkan pada bulan November 2021 dan mungkin perlu dikemas kini disebabkan perubahan dalam sistem dan proses kita atau perubahan undang-undang.

Sekiranya ini berlaku, kami akan menghubungi anda untuk memaklumkan anda. Kami juga mungkin memaklumkan anda dengan cara lain dari semasa ke semasa mengenai pemprosesan maklumat peribadi tentang anda.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang Notis Privasi Pekerja ini, sila hubungi Pasukan Privasi dan Perlindungan Data di [privacy@mottmac.com](mailto:privacy@mottmac.com).



